

**PROGRAM *TRADE FAIR, BUSINESS AND INVESTORS SUMMIT* SEMPERNA
LAWATAN KERJA DUTA NEGARA AMERIKA LATIN DAN CARRIBEAN (GRULAC)
ANJURAN INVESTPERAK**

Disediakan oleh: Dr. Agkillah Maniam
State Project Coordinator IC-CFS

IPOH, 15 JUN 2022

Program *Trade Fair, Business And Investors Summit* Sempena Lawatan Kerja Duta Negara Amerika Latin Dan Carribean (GRULAC) telah dianjurkan oleh Pusat Pengurusan Pelaburan Perak atau lebih dikenali sebagai InvestPerak secara kerjasama dengan Syarikat Vale. Program ini telah mengundang seramai 5 orang Duta daripada Argentina, Brazil, Chile, Cuba dan Peru untuk menghadiri satu pembentangan dan pameran oleh beberapa agensi di peringkat Negeri Perak termasuk Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk).

Selaras dengan matlamat InvestPerak untuk menarik dan menggalakkan pelaburan utama bagi Kerajaan Negeri Perak, agensi-agensi kerajaan negeri yang terlibat juga telah membentangkan cadangan projek, program dan aktiviti bagi pertimbangan Duta-Duta GRULAC untuk tujuan kerjasama dua hala dengan Kerajaan Negeri Perak.

Antara cadangan yang telah dikemukakan oleh JPNPk adalah perkongsian kepakaran kajian saintifik, penyelidikan dan pembangunan kolaboratif serta perkongsian ilmu dan kisah kejayaan untuk pembiayaan mampan. Selain itu, JPNPk juga telah mengadakan perbincangan dua hala bersama semua Duta-Duta GRULAC yang terlibat.



Bunting bagi menyambut tetamu-tetamu kehormat dan para hadirin



Sesi pembentangan oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri Perak dan juga Duta-Duta negara GRULAC



Booth pameran JPNPk



Perbincangan dua hala bersama Duta-Duta GRULAC



Perbincangan dua hala bersama Duta Cuba,
His Excellency Ibete Fernández Hernández



Perbincangan dua hala bersama Duta Chile,
His Excellency Diego Velasco